



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PEGAWAI UGAMA (G.13)
PUSAT DA'WAH ISLAMIAH
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



- | |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <p>1. PEGAWAI UGAMA PUSAT DA'WAH ISLAMIAH KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA G.13 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN) KEKOSONGAN = SATU (01)</p> |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Bahasa Arab / Pengajian Islam / Syariah / Usuluddin atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
2. Mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang baik dalam penyebaran da'wah (Media cetak, media massa dan bidang penulisan / penerbitan) adalah kelebihan.
3. Berkebolehan menggunakan ICT dan berkemahiran menaip jawi adalah satu kelebihan.
4. Mahir menguasai Bahasa Melayu dan Inggeris serta pandai membaca Jawi dengan baik adalah kelebihan.
5. Sebelum layak ditetapkan dalam jawatannya, Pegawai Ugama dikehendaki lulus Peperiksaan Perkhidmatan Ugama Perkhidmatan Awam (PPUPA).

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan dengan perkembangan da'wah dan penyebaran ajaran agama islam;
2. Membantu Ketua Jabatan melaksanakan tugas-tugas mengenai pengurusan pentadbiran dan peruntukan kewangan Jabatan;
3. Menyediakan Rancangan dan Laporan Tahunan Jabatan;
4. Menyediakan artikel dan meneliti bahan-bahan agama untuk terbitan media cetak atau multimedia da'wah; dan
5. Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa.